



**KHUTBAH KHAS IDUL ADHA:  
“ERTI SEBUAH PENGORBANAN SEJATI”  
(11 OGOS 2019 / 10 ZULHIJAH 1440H)**



الله اكبر الله اكبر الله اكبر الله اكبر الله اكبر الله اكبر  
الله اكبر  
ولله الحمد.

لا اله الا الله ولا نعبد الا اياه مخلصين له الدين ولو كره الكافرون  
لا اله الا الله وحده صدق وعده ونصر عبده واعز جنده وهزم الاحزاب  
وحده لا اله الا الله والله اكبر, الله اكبر والله الحمد.

الحمد لله العلي الكبير اللطيف الخبير, القائم علي بما كسبت والجازي بما  
عملت.

اشهد ان لا اله الا الله وحده لا شريك له, واشهد ان سيدنا محمدا عبده  
ورسوله. اللهم صلي وسلم علب سيدنا محمد الفاتح لما اغلق, والخاتم لما  
سبق, ناصر الحق بالحق, والهادي الي صراطك المستقيم, وعلي اله حق قدره  
ومقداره العظيم.

اما بعد,

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

لَنْ يَنَالَ اللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا  
لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ ۗ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ

**MAKSUDNYA:** “SESUNGGUHNYA DAGING DAN DARAH BINATANG KORBAN ATAU HADIAH ITU TIDAK SEKALI-KALI AKAN SAMPAI KEPADA ALLAH, TETAPI YANG SAMPAI KEPADANYA IALAH AMAL YANG IKHLAS YANG BERDASARKAN TAQWA DARI KAMU. DEMIKIANLAH IA MEMUDAHKAN BINATANG-BINATANG ITU BAGI KAMU SUPAYA KAMU MEMBESARKAN ALLAH KERANA MENDAPAT NIKMAT PETUNJUKNYA. DAN SAMPAIKANLAH BERITA GEMBIRA (DENGAN BALASAN YANG SEBAIK-BAIKNYA) KEPADA ORANG-ORANG YANG BERUSAHA SUPAYA BAIK AMALNYA.” (SURAH AL-HAJJ: 37)

الله اكبر الله اكبر الله اكبر والله الحمد.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

DI PAGI HARI RAYA IDUL ADHA INI, MARILAH KITA MENINGKATKAN KETAKWAAN KEPADA ALLAH SWT DENGAN MELAKSANAKAN SEGALA SURUHANNYA DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGANNYA. MUDAH-MUDAHAN DENGAN KESUNGGUHAN KITA MEMBANGUNKAN TAQWA DI DALAM JIWA AKAN MERAH KASIH DAN KEREDHAAN ALLAH SWT DI DUNIA DAN DI AKHIRAT.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

MIMBAR DI PAGI HARI RAYA INI, INGIN MENGAJAK PARA JEMAAH SEKALIAN BERSAMA-SAMA MENGHAYATI KHUTBAH YANG BERTAJUK “**IDUL ADHA :ERTI SEBUAH PENGORBANAN SEJATI**”

SEJARAH PENSYARIATAN IBADAH HAJI DAN KORBAN TIDAK DAPAT DIPISAHKAN OLEH KISAH DUA MANUSIA AGUNG, NABI IBRAHIM DAN ANAKANDANYA NABI ISMAIL ALAIHIMASSALAM. TIDAK KETINGGALAN DI SISI DUA MANUSIA AGUNG INI IALAH SEORANG WANITA, ISTERI DAN IBU YANG HEBAT IAITU HAJAR ALAIHASSALAM. HUBUNGAN KEKELUARGAAN TIGA INSAN INI DALAM MELAKSANAKAN SEGALA PERINTAH ALLAH SWT MENGATASI HAD KASIH SAYANG MANUSIA YANG WAJAR MENJADI IKUTAN DAN PEDOMAN SELURUH UMAT ISLAM DAN WARGA TENTERA KHASNYA.

## FIRMAN ALLAH SWT DALAM SURAH AS-SHAFFAT AYAT102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۚ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

**MAKSUDNYA :** “MAKA TATKALA ANAK ITU SAMPAI (UMUR) BERUSAHA BERSAMA-SAMA IBRAHIM, IBRAHIM BERKATA: WAHAI ANAKKU ,SESUNGGUHNYA AKU MELIHAT DALAM MIMPI BAHAWA AKU MENYEMBELIHMU. MAKA FIKIRKANLAH APA PENDAPATMU” DIA (NABI ISMAIL) MENJAWAB: WAHAI BAPAKU, LAKSANAKANLAH APA YANG DIPERINTAHKAN KEPADAMU; INSYA ALLAH KAMU AKAN MENDAPATI AKU TERMASUK DI KALANGAN ORANG YANG SABAR.”

الله اكبر الله اكبر الله اكبر والله الحمد.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

APAKAH ERTINYA SEJARAH INDAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM AS DAN PUTERANYA NABI ISMAIL AS YANG SABAN TAHUN KITA BICARAKAN ,JIKA KITA TIDAK AMBIL BERAT TENTANG PENGERTIAN IBADAH KORBAN YANG SABAN TAHUN DILAKSANAKAN. KISAH INDAH INI MAMPU MERUNTUN JIWA KITA UNTUK TURUT MENGAJAK KITA MENGORBANKAN SEBAHAGIAN HARTA DEMI MEMBUKTIKAN KEIMANAN DENGAN IBADAH KORBAN SEKALIGUS MEMPERJUANGKAN IBADAH YANG DISYARIATKAN.

JUMHUR ULAMA BERPENDAPAT BAHAWA HUKUM IBADAH KORBAN ADALAH SUNAT MUAKKAD IAITU SUNAT YANG SANGAT DITUNTUT. TARAFNYA LEBIH TINGGI DARIPADA SUNAT BIASA DAN NILAI PAHALANYA PASTI BERLIPAT KALI GANDA. MAKA ATAS NAMA SUNNAH, SELURUH UMAT ISLAM YANG BERKEMAMPUAN AMAT DIGALAKKAN MELAKUKAN IBADAH KORBAN BERMULA PADA 10 ZULHIJAH SELEPAS SOLAT AIDIL ADHA SEHINGGA BERAKHIRNYA HARI TASYRIK 13 ZULHIJAH.

SECARA UMUMNYA, SETIAP INDIVIDU MUSLIM HENDAKLAH MENJADIKAN PENGORBANAN SEBAGAI AMALAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN MEREKA BAGI MENENTUKAN KEIMANAN MEREKA BERADA PADA TAHAP YANG TERTINGGI. DI ANTARA PENGORBANAN YANG BOLEH DILAKSANAKAN OLEH SETIAP INDIVIDU MUSLIM ADALAH SEPERTI BERIKUT:

**PERTAMA:** PENGORBANAN HARTA.

HARTA YANG ALLAH SWT KURNIAKAN ADALAH MERUPAKAN UJIAN DAN AMANAH YANG PERLU DIBELANJAKAN KE JALAN YANG ALLAH REDHAI. SETIAP HARTA YANG DIKORBANKAN AKAN DIBALAS DENGAN GANJARAN YANG BERLIPAT KALI GANDA DI SISI ALLAH SWT. INI JELAS DINYATAKAN MELALUI FIRMAN ALLAH DI DALAM SURAH AT-TAUBAH AYAT 20:

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً  
عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

**MAKSUDNYA :** “ SESUNGGUHNYA ORANG-ORANG YANG BERIMAN DAN BERHIJRAH SERTA BERJIHAD KEPADA JALAN ALLAH DENGAN HARTA BENDA DAN JIWA MEREKA ADALAH LEBIH BESAR DAN TINGGI DARJATNYA DI SISI ALLAH (DARIPADA ORANG-ORANG YANG MEMBERI MINUM ORANG-ORANG HAJI DAN ORANG YANG MEMAKMURKAN MASJID SAHAJA) MEREKA ITULAH ORANG-ORANG YANG BERJAYA.”

**KEDUA:** PENGORBANAN MASA DAN KEPENTINGAN PERIBADI.

SEORANG MUSLIM HENDAKLAH MENGORBANKAN SEDIKIT KESELESAAN PERIBADI DEMI MENEGAKKAN DAN MEMBELA KETINGGIAN AGAMA ALLAH SWT. KESANGGUPAN BERKORBAN APA SAHAJA TERMASUK MASA DAN KEPENTINGAN PERIBADI MELAMBAHKAN KETEGUHAN AKIDAH KITA KEPADA ALLAH SWT.

**KETIGA:** PENGORBANAN MELAWAN HAWA NAFSU.

SESUNGGUHNYA HAWA NAFSU SENTIASA MENYERU KE ARAH KEBURUKAN DAN MEMBAWA KEPADA KEBINASAAN. JUSTERU, SETIAP MUSLIM

HENDAKLAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENGEKANG HAWA NAFSU UNTUK MEMPEROLEHI HIDUP YANG SEJAHTERA DAN DIBERKATI SEBAGAIMANA HADIS YANG DIRIWAYATKAN OLEH IMAM TARMIZI DARIPADA SYADDAD BIN AUS:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا  
وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ

**MAKSUDNYA :** “ORANG YANG BIJAK ADALAH ORANG YANG MENGHISAB DIRINYA SENDIRI SERTA BERAMAL UNTUK KEHIDUPAN SESUDAH KEMATIAN SEDANGKAN ORANG YANG LEMAH ADALAH ORANG YANG DIRINYA MENGIKUTI HAWA NAFSUNYA SERTA BERANGAN-ANGAN ALLAH MENGAMPUNKAN DIRINYA.”

**KEEMPAT:** PENGORBANAN JIWA.

PENGORBANAN JIWA ADALAH MERUPAKAN TAHAP TERTINGGI SEORANG HAMBA KEPADA TUHANNYA YANG MAHA AGUNG. INI DIBUKTIKAN DENGAN KISAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM DAN NABI ISMAIL AS YANG DIGARAP KISAH MEREKA DI DALAM AL-QURAN. BAGI WARGA TENTERA, MEREKA DITUNTUT UNTUK BERSIAP SIAGA SEPANJANG MASA MEMBERI SEPENUH PENGORBANAN DEMI MENJAGA KEDAULATAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA. TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH MENJAGA KEDAULATAN NEGARA MENJADI KEUTAMAAN DALAM SETIAP PENUGASAN MEREKA. TIDAK HAIRAN JIKA KITA DAPATI DISAAT KITA BERGEMBIRA DENGAN SAMBUTAN HARI RAYA IDUL ADHA BERSAMA ANAK DAN ISTERI, ADA DIKALANGAN SAHABAT KITA YANG SEDANG BERTUGAS DI PERBATASAN DAN PULAU-PULAU. KETIKA KITA SELESA MELAKSANAKAN IBADAT KORBAN JANGAN KITA LUPA RAKAN SEPERJUANGAN YANG JAUH BERADA DI LUBNAN, SAHARA BARAT ,MINDANAO DAN SEBAGAINYA BERKHIDMAT DIBAWAH PANJI-PANJI PBB. KESUSAHAN DAN PAHIT GETIR YANG DITEMPUH MERUPAKAN ASAM GARAM YANG TIDAK PERNAH MELUNTURKAN TAHAP PENGORBANAN MEREKA TERHADAP NEGARA TERCINTA. KESEDIAAN WARGA TENTERA UNTUK

MELAKUKAN APA JUA PENGORBANAN TERSURAT DALAM IKRAR KESATRIA YANG BERBUNYI “**SETIA KEPADA NEGARA DAN SEDIA BERKORBAN DEMI KEPENTINGANNYA DENGAN TIDAK SEKALI-KALI MENGENAL MENYERAH.**”

الله اكبر الله اكبر الله اكبر والله الحمد.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

MENGAKHIRI KHUTBAH, MARILAH KITA HAYATI BEBERAPA HIKMAH DAN PENSYARIATAN IBADAH KORBAN DI ANTARANYA :

**PERTAMA:** KISAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM AS YANG SANGGUP MENYEMBELIH PUTERANYA NABI ISMAIL AS SEBAGAI TANDA KETAATAN KEPADA PERINTAH ALLAH SWT TANPA MEMPERSOALKAN KEWAJARAN ARAHAN TERSEBUT.

**KEDUA:** MEMBENTUK JIWA YANG SANGGUP BERKORBAN SEBAHAGIAN REZEKI DAN NIKMAT KURNIAAN ALLAH SWT DEMI KEPENTINGAN ORANG LAIN.

**KETIGA:** WARGA TENTERA PERLU ISTIQAMAH MENGAMALKAN SIFAT TERPUJI DAN SENTIASA BERSEDIA UNTUK BERKORBAN KEPADA NEGARA TERCINTA.

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

“ ORANG-ORANG YANG BERUSAHA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH KERANA MEMENUHI KEHENDAK AGAMA KAMI, SESUNGGUHNYA KAMI AKAN MEMIMPIN MEREKA KE JALAN-JALAN KAMI (YANG MENJADIKAN MEREKA BERGEMBIRA SERTA BEROLEH KEREDHAAN); DAN SESUNGGUHNYA (PERTOLONGAN DAN BANTUAN) ALLAH ADALAH BERSERTA ORANG-ORANG YANG BERUSAHA MEMBAIKI AMALANNYA..” (AL-ANKABUT: 69)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللهُ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ  
الله اكبر الله اكبر الله اكبر والله الحمد.